MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

http://www.parlimen.gov.my

HARI SELASA, 21 JUN 2011, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 26

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1242-L44545
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Bank Negara Malaysia berhasrat untuk menyemak atau meminda Kadar Dasar Semalaman *(Overnight Policy Rate)* dan Keperluan Rizab Berkanun *(Statutory Reserve Requirement)* bagi bank-bank tempatan sehingga akhir tahun ini. Sila jelaskan sebab-sebabnya sekiranya ya mahupun tidak.

2. PR-1242-L43954
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan tahap perkhidmatan DBKL berbanding dengan bandaraya maju di dunia. Apakah usaha untuk mempertingkatkannya.

3. PR-1242-L44072
Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan statistik miskin tegar mengikut pecahan kaum seluruh Negara sehingga 2010 dan jumlah masyarakat orang Asli di Negara ini terlibat dengan program 1 AZAM dan sejauh manakah telah berjaya meningkatkan taraf ekonomi mereka.

4. PR-1242-L43497
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan Dewan-dewan Undangan Negeri manakah yang belum meluluskan peralihan kuasa mengurus sisa pepejal dan pembersihan awam kepada Kerajaan Persekutuan dan bolehkah Negeri Pulau Pinang dikecualikan daripada penguatkuasaan mengikut Seksyen 104, Akta 672.

5. PR-1242-L44363
Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan laporan berhubung dengan insentif kepada petani-petani padi yang telah diberhentikan. Kenapa dan mengapa ia diberhentikan dan dapatkah Kerajaan mempertimbangkan semula insentif ini.

6. PR-1242-L45017
Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status terkini sebuah *vessel (oil spill response vessel)* yang bernama Seri Endon yang dirasmikan oleh bekas Perdana Menteri, Abdullah Ahmad Badawi pada tahun 2006 (Laporan Tahunan Lembaga Pelabuhan Johor 2009, m.s 19).

7. PR-1242-L43587
Datuk Azalina binti Dato' Othman Said [Pengerang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan perihal Kajian Penilaian Alam Sekitar (EIA) dan Kesan Sosial dari Projek Pembangunan Bersepadu Penapisan dan Petrokimia (RAPID) yang dijalankan oleh Petronas di kawasan Parlimen Pengerang.

8. PR-1242-L44220
Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) senarai IPTA dan IPTS yang berjaya mencapai tahap cemerlang dalam penyelidikan dan akademik sesi 2010-2011; dan

(b) universiti-universiti yang berjaya menguruskan kewangan sendiri (*self finance*) terutama dalam penyelidikan.

9. PR-1242-L43438
Datuk Haji Mohamed Bin Haji Aziz [Sri Gading] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan yang terlibat dalam program pengambilan bekas anggota tentera berkhidmat dengan pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) serta apakah insentif dan galakan yang diberikan kepada mereka.

10. PR-1242-L44636
Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk mengatasi masalah pembantu rumah warga Indonesia yang sering lari dari majikannya.

11. PR-1242-L43265
Datuk Halimah binti Mohd Sadique [Tenggara] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan langkah yang diambil Kerajaan untuk menjalin kerjasama dengan sektor koperasi di Indonesia bagi meneroka potensi yang boleh dimanfaatkan sektor koperasi tempatan.

12. PR-1242-L44557
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah status terkini tentang cadangan Kerajaan mengisytiharkan pembinaan tebatan banjir di sepanjang Sungai Golok Rantau Panjang, apakah sebabnya projek ini sengaja dilambat-lambatkan.

13. PR-1242-L44054
Dato' Seri Dr. Abdullah bin Md. Zin [Besut] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kementerian ke atas pihak-pihak yang memperalatkan pelajar-pelajar sekolah agama untuk memungut derma daripada orang ramai yang semakin berleluasa akhir-akhir ini.

14. PR-1242-L44703
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan Kerajaan untuk membendung kenaikan mendadak harga barang-barang makanan terutamanya di pasar dan restoran berikutan daripada penarikan balik subsidi baru-baru ini.

15. PR-1242-L43230
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan kes tuntutan penceraian di Mahkamah Syariah mengikut negeri yang masih belum dapat diselesaikan sehingga tahun 2010.

16. PR-1242-L43872
Dr. Michael Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan jawatan di negara kita tahun ini, untuk graduan-graduan kursus jururawat, fisiotherapy, teknologi makmal perubatan dan sains penjagaan kesihatan *(Health Care Science).* Bagaimanakah jangkaan ini ditentukan.

17. PR-1242-L43931
Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai rancangan untuk menyelesaikan masalah kesesakan Lebuh raya Jalan Pontian dan simpang masuk ke Universiti Teknologi Malaysia dan Taman Universiti.

18. PR-1242-L44577
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah strategi dan pendekatan Kementerian untuk memastikan kenaikan harga minyak dan gula tidak menyebabkan kenaikan harga makanan di pasaran yang membebankan pengguna.

19. PR-1242-L44605
Datuk Tiong Thai King [Lanang] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah status terkini bagi operasi Makmal Kimia Sibu.

20. PR-1242-L44970
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah cadangan Kementerian untuk mengadakan pelan infrastruktur supaya setiap kawasan perumahan khususnya rumah-rumah pangsa supaya menyediakan tempat letak kereta yang mencukupi supaya tidak didapati menjadi sesak sehingga mengganggu lalu lintas.

21. PR-1242-L43284
Datuk Abd. Rahman bin Bakri [Sabak Bernam] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah penubuhan Jawatankuasa Khas Mengkaji Kurikulum Sejarah dan Teks Sejarah Sekolah Menengah dapat memastikan kandungannya mampu memupuk semangat menjiwai 1Malaysia di kalangan pelajar.

22. PR-1242-L44052
Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

(a) kedudukan terkini projek Empangan Bakun khasnya jumlah tenaga yang mampu dijana setelah RM12.5 bilion dilaburkan, isu keselamatan, pembeli tenaga dan apakah langkah-langkah penyelesaian yang telah difikirkan oleh Kerajaan bagi mengatasinya; dan

(b) apakah iktibar yang dipelajari oleh Kerajaan dari segi mengurus projek mega seperti Bakun ini supaya tidak akan berulang kesilapan lama.

23. PR-1242-L43231
Tuan Haji Mohd Nor bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan bagi memastikan hanya doktor-doktor wanita sahaja yang terlibat dalam mengendalikan kes-kes wanita bersalin.

24. PR-1242-L44526
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan kenapakah Singapura dapat mengimport 3 juta ton pasir dari Malaysia pada tahun 2008 sedangkan dasar Kerajaan Malaysia tidak mengizinkan pengeksportan pasir ke Singapura.

25. PR-1242-L44088
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan usaha dan tindakan diambil terhadap kegiatan mereka yang melakukan penipuan menerusi online seperti jaringan Facebook dan sebagainya.

26. PR-1242-L43590
Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan laluan FT 175 Jalan Batu Seketol-Gulau yang dibina sejak awal kemerdekaan begitu sempit dan tidak sesuai untuk menjadi laluan penting ke Lebuhraya Weng-Durian Burung. Jalan sepanjang 3km ini lebarnya hanya 5m dan perlu segera diperbesarkan. Bila langkah pembesaran ini hendak dilaksanakan.

27. PR-1242-L44468
Dato' Sri Ong Tee Keat [Pandan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sama ada tenaga pengajar luar yang diupah oleh syarikat tutorial komputer swasta boleh dibenarkan mengajar dengan mengutip yuran di sekolah-sekolah Kerajaan dalam jadual waktu sekolah. Jika ya, mengapa. Jika tidak, mengapa keadaan berkenaan terus berlaku di SJK(C).

28. PR-1242-L44327
Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah konsep 'bina dulu jual kemudian' atau 'rumah mampu milik' akan diimplementasikan. Mengapa Kerajaan Persekutuan tidak menjalankan program perumahan rumah mampu milik di Pulau Pinang dan nyatakan jumlah, kos dan lokasinya. Berikan statistik (bilangan, harga serta lokasi) rumah mampu milik oleh Kerajaan Persekutuan dalam tempoh lima tahun sebelum ini.

29. PR-1242-L43416
Datuk Bung Moktar Bin Radin [Kinabatangan] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan kawasan hidupan liar dan alam sekitar Kinabatangan yang telah diiktiraf oleh *World Wildlife* sebagai kawasan perlindungan hidupan liar dikekalkan serta dipertingkatkan kualiti dan selanjutnya diketahui oleh masyarakat pelancong dunia; dan

(b) langkah-langkah Kerajaan dalam memastikan pencemaran air di Sungai Kinabatangan dapat dibendung akibat pengeluaran toksik dari kilang-kilang yang beroperasi di Parlimen Kinabatangan.

30. PR-1242-L43730
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan bila Kementerian Sumber Manusia akan melaksanakan polisi gaji minimum bagi semua sektor pekerjaan.

31. PR-1242-L44724
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan adakah perancangan untuk mewujudkan 'Pusat Pemulihan Alkoholik' sama seperti Pusat Pemulihan Dadah, untuk membantu mangsa-mangsa Alkoholik melepaskan tabiat buruk ini yang membawa pelbagai masalah sosial sekiranya tidak dibendung.

32. PR-1242-L43620
Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan objektif penarikan subsidi minyak diesel untuk pengangkutan awam dan sila jelaskan kos sebenar subsidi minyak diesel ini kepada Kerajaan.

33. PR-1242-L43675
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah perlaksanaan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah berjaya menutup ruang rasuah sejajar hasrat Kerajaan yang inginkan idealisme mulia sebuah masyarakat berintegriti di negara ini.

34. PR-1242-L44555
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah Kerajaan berhasrat untuk membaik pulih sistem pengaliran air di sisi laluan motosikal di Lebuh raya Persekutuan yang kerap mengakibatkan banjir serta mengambil tindakan atas ketiadaan penanda bagi laluan bengkok dan pencahayaan di Lebuh raya KESAS yang membahayakan penunggang motosikal.

35. PR-1242-L43205
Dato' Seri Haji Azmi bin Khalid [Padang Besar] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa kelewatan pengerukan Pelabuhan Pulau Pinang akan menjejaskan pembangunan ekonomi negeri Perlis dan negeri-negeri NCER, memandangkan ianya adalah rangkaian terpenting bagi landasan kereta api berkembar yang bakal siap pada 2012. Yang mana landasan ini adalah penggerak terpenting pertumbuhan ekonomi negeri-negeri ini. Bilakah kerja-kerja pengerukan akan dijalankan.

36. PR-1242-L44391
Datuk Mohd Nasir bin Ibrahim Fikri [Kuala Nerus] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes kehilangan dan kerosakan Mykad (diperbaharui) di seluruh negara mengikut negeri dalam tempoh tiga tahun dan nyatakan sejauh mana berlakunya kes-kes penyalahgunaan Mykad oleh rakyat asing yang dikaitkan dengan kes-kes kehilangan tersebut.

37. PR-1242-L44807
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah tegas yang diambil Kerajaan bagi membendung penularan kempen yang berupa hasutan atau berasaskan perkauman semasa diadakan Pilihan raya Umum mahupun Pilihan raya Kecil.

38. PR-1242-L43796
Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) sejauh manakah siasatan kes video seks terhadap 'Datuk T' dan agensi atau pakar manakah yang diguna pakai oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) untuk dianalisis kepalsuan video tersebut; dan

(b) sama ada pihak PDRM memberi perlindungan kepada 'Datuk T' walaupun melanggar Akta Penapisan Filem 2002.

39. PR-1242-L43727
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan status pembinaan Bilik 28 dan pemasangan CCTV di lokap dan di balai polis di seluruh negara, serta kes-kes kecederaan dan kematian dalam lokap dan balai polis selepas langkah-langkah tersebut diambil.

40. PR-1242-L44021
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci perkembangan terbaru rancangan Kerajaan untuk mendirikan dua buah loji tenaga nuklear di negara ini serta jumlah bajet yang terlibat.

41. PR-1242-L44790
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh mana persiapan dan keyakinan Kerajaan untuk memenangi kes pembayaran caj pembangunan untuk tiga bidang tanah asal di Tanjong Pagar, Kranji dan Woodlands melalui timbang tara supaya Malaysia tidak mengalami kerugian dengan pembayaran SGD 1.47 bilion seperti yang ditetapkan oleh Kerajaan Singapura.

42. PR-1242-L44777
Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa kos pembinaan Mass Rapid Transit (MRT) Sungai Buloh-Kajang yang jaraknya 150km memakan belanja RM50 bilion berbanding dengan pembinaan landasan keretapi terlaju di dunia antara Golmud, China ke Lhasa, Tibet sejauh 1140km siap hanya dengan kos RM15 bilion.

43. PR-1242-L43850
Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk membina kompleks pendaratan ikan moden di Sabah memandangkan betapa pentingnya industri perikanan di negeri itu.

44. PR-1242-L43223
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan dalam meningkatkan minat berterusan pelabur-pelabur asing ke negara kita berdasarkan kajian yang dibuat oleh Ernst & Young bahawa keyakinan korporat terhadap negara kita telah meningkat pada 2011.

45. PR-1242-L43452
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah jumlah tangkapan setakat ini terhadap mereka yang disyaki atau didapati terlibat dalam sindiket pemalsuan dokumen Kerajaan untuk tujuan memungkinkan pendatang asing memiliki kad pengenalan Malaysia yang sah.

46. PR-1242-L44911
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan berkenaan dengan kemasukan pelaburan asing ke dalam negara rentetan lawatan rasmi Perdana Menteri di luar negara termasuk Australia, Britain dan Amerika Syarikat pada tahun ini.

47. PR-1242-L43459
Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah prinsip yang diguna pakai dalam menguatkuasakan *Risk Based Capital* untuk syarikat-syarikat insurans tempatan, di mana ianya akan mengakibatkan banyak syarikat insurans di Malaysia tidak akan memenuhi keperluan modal berbayar minima dan *margin of solvency,* mengakibatkan syarikat insurans ini mudah dibeli oleh syarikat insurans luar yang lebih besar.

48. PR-1242-L44523
Tuan Sivarasa A/L K.Rasiah [Subang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keputusan dan tindakan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) berhubung desakan Persatuan Pengusaha-pengusaha Bas Se-Malaysia (PPBSM) agar Kerajaan membeli syarikat bas berhenti-henti sedia ada bagi mengurangkan kerugian mereka.

49. PR-1242-L43189
Tengku Razaleigh Hamzah [Gua Musang] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah beliau sedar tentang ancaman krisis makanan global. Berapakah jumlah stok simpanan makanan utama dan apakah langkah-langkah Kerajaan dalam menghadapi situasi tersebut.

50. PR-1242-L44026
Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah kos perbelanjaan yang perlu untuk *First Lady Division* dan pelantikan pegawai-pegawai penyelaras kawasan Pilihan raya masing-masing di Jabatan Perdana Menteri.

51. PR-1242-L44700
Tuan Mohamed Azmin bin Ali [Gombak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menerbitkan bon-bon di luar negara bagi menampung kos pembinaan projek MRT yang dijangka bernilai RM53 bilion. Jika ya, sila jelaskan nilai bon yang dicadangkan tersebut.

52. PR-1242-L44171
Tuan Haji Matulidi bin Haji Jusoh [Dungun] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan bagi menambah baik Sistem Saraan Malaysia (SSM) khususnya bagi kakitangan yang telah mencapai gaji maksimum.

53. PR-1242-L43742
Datuk Juslie Bin Ajirol [Libaran] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan :-

(a) berapa buah dan di mana jalan luar bandar yang akan dilaksanakan di Sabah dalam RMK-10; dan

(b) bilakah pembinaan jalan Fasa 2 SPS 3 dan Jalan Sg. Tiram Fasa 2 akan dilaksanakan.

54. PR-1242-L43344
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan dengan video seks yang didakwa menyerupai Ketua Parti Pembangkang :-

(a) mengapakah sehingga kini "Dato' Trio" tidak didakwa di Mahkamah di bawah Seksyen 292 Kanun Keseksaan dan juga Akta Penapisan Filem 2002 di atas kesalahan menayangkan filem pornografi secara terbuka kepada umum; dan

(b) apakah hasil siasatan bagaimana video tersebut dimuat naik ke internet sedangkan salinan asal berada di pihak Polis.

55. PR-1242-L44111
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab untuk terjemahan salah "Istiadat Sambutan Rasmi Sempena Lawatan Rasmi TYT Wen Jiabao Ke Malaysia" ke “zhèng shí huǎn yíng yí shì yũ tā yī qǐ wēn jiā bǎo gé xià de zhèng shí fǎng wèn mǎ lái xī yà” sempena lawatan Perdana Menteri China ke Malaysia pada bulan April lepas.

56. PR-1242-L43947
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan negara. Apakah langkah-langkah yang sedang dan akan diambil untuk membolehkan lebih ramai hampir 400,000 guru dapat peluang yang adil.

57. PR-1242-L43232
Dato' Ismail bin Kasim [Arau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan akan diambil oleh Kementerian terhadap alat ganti tiruan terutamanya yang melibatkan brek, alat-alat ganti lain dan minyak pelincir kenderaan yang menjadi antara penyebab utama kemalangan jalan raya.

58. PR-1242-L44552
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) menyatakan bahawa kebanyakan kes penyelewengan wang di negara ini terjadi di kalangan ahli politik. Berapakah kes politik wang yang berjaya didakwa SPRM dan berjaya di mahkamah dari tahun 2006 hingga sekarang.

59. PR-1242-L43487
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah permit ceramah politik (mengikut parti-parti politik) yang diluluskan oleh Ketua Polis Daerah Kuala Muda dan Ketua Polis Daerah Yan bagi tahun 2010 dan setakat Mei 2011.

60. PR-1242-L43677
Ir. Haji Hamim Bin Samuri [Ledang] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan tentang langkah menyeluruh untuk berdepan degan krisis bekalan air pada masa akan datang sekaligus mempertimbangkan langkah-langkah termasuk peruntukan undang-undang yang menyeluruh bagi mengadakan *Water Supply Security.*

61. PR-1242-L43136
Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes penipuan melalui telefon yang berlaku di negara ini bagi tiga tahun kebelakangan. Apakah usaha yang telah dilaksanakan untuk mengurangkan jenayah penipuan jenis ini.

62. PR-1242-L43499
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perkembangan terkini untuk pindaan Akta Keselamatan Dalam Negeri (1960).

63. PR-1242-L44967
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kerajaan bercadang :-

(a) untuk menggubal undang-undang mencegah individu daripada menyamar sebagai Datuk; dan

(b) membezakan gender Datuk untuk lelaki dan Datin untuk perempuan.

64. PR-1242-L44036
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan strategi Kementerian di dalam menangani masalah jerebu berterusan yang berpunca dari negara jiran dan apakah syarat-syarat yang dikenakan oleh pihak Kementerian terhadap unsur sulfur yang terkandung di dalam arang batu yang diimport oleh TNB dan pembekal-pembekal elektrik yang ada bagi menjana tenaga elektrik.

65. PR-1242-L44317
Dato' Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah status dan hasil siasatan berkaitan isu Negara Kristian yang dibangkitkan oleh akhbar Utusan Malaysia; dan

(b) apakah tindakan dan langkah selanjutnya yang sedang dan akan diambil berkaitan isu ini.

66. PR-1242-L44924
Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan :-

(a) keluasan ladang tebu yang ada di Malaysia dan kapasiti pengeluaran; dan

(b) apakah langkah-langkah Kerajaan Malaysia untuk mengurangkan harga gula di pasaran.

67. PR-1242-L43676
Tuan Gobalakrishnan a/l Nagapan [Padang Serai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada wujud inisiatif yang diambil bagi mengukur keberkesanan pengurusan di hospital Kerajaan berbanding dengan pengurusan di hospital swasta. Apakah usaha-usaha yang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengurangkan jurang perbezaan dari segi kualiti perkhidmatan di antara hospital Kerajaan dan hospital swasta untuk memastikan golongan yang kurang berada mendapat kualiti perkhidmatan yang setanding dengan perkhidmatan yang disediakan di hospital swasta.

68. PR-1242-L44247
Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah aktiviti dan program yang dikendalikan oleh pejabat ECER di Kota Bharu.

69. PR-1242-L43859
Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk memastikan kurikulum sejarah di sekolah-sekolah awam memaparkan apa yang benar dan tidak bersifat *value-judgement.*

70. PR-1242-L43337
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

(a) senaraikan statistik kes kemalangan pekerja di negara ini yang di dalam perjalanan atau hendak ke tempat kerja dari tahun 2005 hingga tahun 2010; dan

(b) apakah bentuk bantuan yang boleh dipohon atau yang diberikan oleh pihak SOCSO kepada pekerja-pekerja yang terlibat di dalam kemalangan di atas.

71. PR-1242-L44546
Tan Sri Dato' Abd. Khalid bin Ibrahim [Bandar Tun Razak] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan mengikut *Global Corruption Barometer* (GCB) 2009, 42% rakyat Malaysia berpendapat parti-parti politik adalah institusi yang paling korup. Adakah Kerajaan bersetuju dengan Penubuhan Tabung Amanah Pilihan raya yang menyalurkan peruntukan tetap kepada calon pilihan raya untuk mengelakkan rasuah dan politik naungan.

72. PR-1242-L44175
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan silibus mata pelajaran di universiti didapati tidak mengikut kehendak industri yang bergerak terlalu pantas khususnya bidang IT dan teknologi:-

(a) apakah usaha pihak universiti dalam merombak silibus mata pelajaran IT dan teknologi agar selari dengan pasaran kerja; dan

(b) setakat manakah graduan didedahkan dengan pengalaman kerja semasa di universiti.

73. PR-1242-L44806
Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar [Kota Tinggi] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah kajian terhadap alam sekitar telah dibuat di kawasan-kawasan yang telah dipilih untuk tujuan rancangan membina loji geothermal negara yang pertama dijangka beroperasi pada tahun 2016.

74. PR-1242-L44031
Tuan Tan Tee Beng [Nibong Tebal] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan pengundi berdaftar dan pecahan-pecahannya sejak Pilihan Raya Umum ke 12, dan apakah rancangan Kementerian untuk mendaftarkan mereka yang berada di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak.

75. PR-1242-L44279
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan memandangkan Program PPSMI telah dimansuhkan pada tahun 2009, apakah kegunaan lain 200,563 buah komputer riba yang diberikan kepada guru-guru di bawah program tersebut.

76. PR-1242-L44598
Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [Ampang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah wujud suatu mekanisme perlaksanaan tertentu yang boleh membenarkan PATI mahupun warga asing di negara ini memohon kerakyatan seterusnya melayakkan mereka mengundi dalam pilihan raya.

77. PR-1242-L43131
Tuan Ding Kuong Hiing [Sarikei] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

(a) adakah Kementerian/Kerajaan bercadang menambah baik dan menaik taraf Loji Pembersihan di Bayong yang sedia ada berikutan ketidakfungsian 3 mesin lama menyebabkan gangguan operasi bekalan air di seluruh kawasan Sarikei dan Tanjung Manis; dan

(b) jika tidak, nyatakan sebab. Jika ya, nyatakan usaha-usaha Kementerian/Kerajaan dalam menandatangani masalah tersebut.

78. PR-1242-L43326
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan penduduk di setiap negeri dalam setiap tahun bagi bancian tahun 1970, 1980, 1990, 2000, 2010 serta jumlah penduduk mengikut kaum bagi Sabah dalam bancian pada tahun-tahun tersebut.

79. PR-1242-L44763
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk menyerap kenaikan kos sara hidup seperti kos barangan keperluan harian rakyat.

80. PR-1242-L44090
Datuk Sapawi bin Haji Ahmad [Sipitang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah aduan yang diterima mengenai rasa tidak puas hati terhadap sistem pendaftaran menerusi e-Kasih, sehingga ramai tampil meminta supaya ia dikaji semula.

81. PR-1242-L44556
Tuan Manickavasagam a/l Sundaram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilangan sijil kelahiran serta Kad Pengenalan yang telah dikeluarkan sejak tahun 2007 mengikut negeri, daripada jumlah tersebut berapa ramaikah warganegara Indonesia, Bangladesh, Filipina, Vietnam, India dan Pakistan yang berjaya mendapat Kad Pengenalan Biru.

82. PR-1242-L44892
Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

(a) apakah perkembangan terkini mengenai rancangan mendalamkan dasar laut di selat Butterworth-Pulau Pinang sebanyak 300 juta yang diamanahkan kepada Penang Port Sdn. Bhd (PPSB), milikan *Minister of Finance Inc*; dan

(b) sejauh manakah kelewatan pelaksanaan rancangan tersebut menjejaskan prestasi kewangan PPSB.

83. PR-1242-L44235
Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan setakat mana tindakan yang telah diambil oleh SPR dalam urusan persempadanan semula bahagian Pilihan raya Parlimen dan Bahagian Pilihan raya Negeri sehingga Jun 2011.

84. PR-1242-L44662
Tuan Charles Anthony A/L R.Santiago [Klang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesediaan Kerajaan untuk *declassify* semua dokumen-dokumen termasuk laporan pakar-rujuk berkait dengan pembinaan loji nuklear untuk semakan *stakeholders.*

85. PR-1242-L43465
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah jalan raya Persekutuan dari Kota Belud ke Kudat akan dibina semula kerana keadaan yang sangat buruk dan banyak kemalangan telah berlaku, dan mengapa tidak ada tindakan positif memperbaiki jalan raya yang buruk di Sabah. Adakah kerana tidak ada peruntukan.

86. PR-1242-L44864
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah Kementerian tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi sehingga mengalami kesulitan untuk membayar cukai tanah pusat pengajian tinggi di bawah tanggungjawab Kementerian pada Kerajaan negeri dan nyatakan kadar cukai tanah yang dikenakan mengikut 1 meter persegi mengikut negeri.

87. PR-1242-L44382
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah kes yang dirujuk ke Mahkamah Perusahaan antara 1hb Januari 2008 sehingga 1hb Mei 2008 dan berapakah kes yang ditolak oleh Menteri ke Mahkamah perusahaan dalam tempoh itu.

88. PR-1242-L43860
Dato' Seri Abdul Hadi bin Awang [Marang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah peranan Kerajaan untuk memastikan syarikat berstatus PLCs (Public Listed Companies) dan GLCs (Government-Linked Companies) menunaikan tanggungjawab sosial korporat mereka (CSR) secara yang maksima dan apakah hanya cukup dengan Putrajaya Committee on GLC High Performance (PCG).

89. PR-1242-L44169
Dato' Abdul Manan bin Ismail [Paya Besar] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak kebelakangan ini golongan bukan Islam telah memperkenalkan konsep makanan halal yang baru iaitu *pork free:-*

(a) bagaimanakah pemantauan pihak Jakim terhadap konsep makanan *pork free* di tempat hiburan kerana ia sering dikunjungi oleh orang Islam; dan

(b) setakat manakah penguatkuasaan Jakim terhadap pengusaha bukan Islam di negara kita.

90. PR-1242-L44009
Tuan Salleh bin Kalbi [Silam] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mengekang peningkatan jumlah pesakit diabetes di negara ini memandangkan Hospital Universiti Sains Malaysia telah menganggarkan bahawa jumlah kes diabetes di negara ini akan mencecah 2.5 juta menjelang tahun 2030.

91. PR-1242-L44908
Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berkenaan dengan bilangan banduan yang sedang menjalani hukuman sepanjang hayat *[natural life]* di bawah Akta Senjata Api [Penalti Lebih Berat] 1971 dan sama ada Kerajaan bersedia untuk memansuhkan hukuman penjara sepanjang hayat *[natural life]* terhadap kesalahan tersebut di negara ini.

92. PR-1242-L44786
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh mana tindakan dan penyiasatan lanjut Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia terhadap laporan US Securities and Exchange Commission dan Justice Department pada Isnin 27 Disember 2010 yang mendakwa bahawa Alcatel-Lucent SA didapati memberi rasuah kepada pegawai-pegawai Telekom Malaysia Berhad bagi memperolehi kontrak telekomunikasi.

93. PR-1242-L43315
Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menangani kesan peningkatan kos saraan hidup dan mengurangkan beban yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah.

94. PR-1242-L43448
Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan [Keningau] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada beliau sedar masih ramai graduan-graduan lepasan universiti yang mencari pekerjaan dan jika sedar, apakah langkah dan tindakan-tindakan Kerajaan Pusat bagi memastikan mereka dapat pekerjaan termasuklah mereka di Sabah dan Sarawak.

95. PR-1242-L43253
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan :-

(a) bila, di mana dan jumlah stesen jana kuasa berasaskan LNG *(Liquid Natural Gas)* didirikan di negeri Sabah serta jumlah kos yang terlibat; dan

(b) bagi mengatasi kekurangan tenaga di Sabah, apakah Kementerian akan mencari pendekatan lain misalnya *"decentralisation of power provider"* dan adakah Power Grid di Sabah mencukupi. Kalau tidak, apakah tindakan.

96. PR-1242-L44622
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah syarat-syarat yang dikenakan semasa pengeluaran lesen penyiaran akhbar dan sama ada tindakan Utusan Malaysia menyiarkan berita palsu dan menghasut di muka surat hadapan iaitu 'Kristian Agama Rasmi' pada 7.5.2011 sepatutnya dikenakan tindakan tegas bukannya amaran sahaja dan sekiranya tidak, kenapa.

97. PR-1242-L43296
Dato' Dr. Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sejauh manakah siasatan dan tindakan terhadap laporan berhubung penganjuran pertemuan paderi dari seluruh negara yang didakwa membincangkan agenda menjadikan Kristian agama rasmi Persekutuan.

98. PR-1242-L44729
Tuan Kamalanathan a/l Panchanathan [Hulu Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menubuhkan satu Suruhanjaya untuk menyelami apakah punca-punca dan sebab-sebab kadar jenayah meningkat di kalangan remaja kaum India dan pada masa yang sama mencari cara-cara mengatasi masalah ini.

99. PR-1242-L43151
Datuk Seri Panglima Abdul Ghapur Bin Haji Salleh [Kalabakan] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan keadaan pantai yang luas dan kekurangan tenaga kerja sudah dikenal pasti sebagai penyebab dan sudah terlalu lama digunakan sebagai alasan, apakah Kementerian mempunyai strategi dari pencerobohan pendatang asing dan perdagangan manusia melalui penyeludupan diberhentikan sama sekali.

100. PR-1242-L43170
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang perlu diambil terhadap visa atau permit masuk rakyat Afrika ke Malaysia memandangkan terlalu banyak kes jenayah seperti penyeludupan dadah, wang palsu, rompakan, aktiviti maksiat, penipuan dan sebagainya yang banyak melibatkan rakyat tersebut di Malaysia.

101. PR-1242-L43606
Tuan Khalid bin Abdul Samad [Shah Alam] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah pihak Kementerian akan bertindak ke atas Peguam Negara berdasarkan laporan Dato' Mohd Zin mengenai peranan yang dimainkannya dalam kes melibatkan Dato' Seri Anwar Ibrahim.

102. PR-1242-L43749
Tuan Muhammad bin Husain [Pasir Puteh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan agensi yang bertanggungjawab memantau kehadiran bot dan nelayan asing di pelabuhan perikanan Tok Bali.

103. PR-1242-L43671
Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan tahap pencemaran (berikan butir-butir) yang disebabkan oleh Jana kuasa Manjung (Jana kuasa Sultan Azlan Shah) di Teluk Rubiah, Manjung, Perak kepada kawasan persekitarannya.

104. PR-1242-L45055
Datuk Ir Haji Idris Bin Haji Haron [Tangga Batu] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan apakah peranan Kementerian bagi memantau filem - filem tahyul dan seram yang terlalu banyak disiarkan mahupun ditayangkan dalam industri perfileman negara pada masa kini.

105. PR-1242-L44372
Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [Kuala Langat] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan kedudukan cuti umum 16 September yang diumumkan sebagai cuti, namun belum diwartakan serta tidak jelas.

106. PR-1242-L43114
Datuk Wira Ahmad bin Haji Hamzah [Jasin] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah Talent Corporation yakin terhadap status Asia sebagai pemacu ekonomi serta langkah Kerajaan meletakkan sektor swasta selaku penggerak ekonomi negara mampu menarik diaspora (pakar profesional tempatan yang berkhidmat di luar negara) untuk kembali berkhidmat di negara ini.

107. PR-1242-L44412
Tuan Loke Siew Fook [Rasah] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menurunkan kadar tol di Plaza Tol Ampangan Lebuh raya Kajang Seremban (LEKAS) yang terlalu tinggi pada RM1.90 ketika ini.

108. PR-1242-L43467
Dr. Hiew King Cheu [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mengenai kemungkinan apakah sebuah jabatan baru iaitu "Jabatan Jalan raya" yang akan ditubuhkan untuk memperbaiki sistem jalan raya majlis-majlis, negeri atau persekutuan dan juga jalan raya swasta di Sabah untuk membetulkan kekeliruan dan gangguan bidang kuasa dan pembaikan.

109. PR-1242-L44845
Dato' Seri Ong Ka Chuan [Tanjong Malim] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan :-

(a) bilangan program yang ditawarkan di Politeknik Sultan Azlan Shah, Tanjong Malim, Perak dan enrolmen pelajar mengikut program; dan

(b) adakah perancangan Kementerian untuk menyediakan kemudahan yang lebih kondusif seperti asrama dan sistem pengangkutan yang mencukupi untuk pelajar-pelajar. Memandangkan kadar kemalangan jalan raya telah meningkat yang melibatkan pelajar-pelajar dari Politeknik yang berkenaan.

110. PR-1242-L44341
Dato' Ibrahim bin Ali [Pasir Mas] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan apakah pihak Kementerian bercadang untuk campur tangan secara langsung bagi membantu masalah air yang dihadapi oleh rakyat Kelantan yang sudah sampai ke tahap kritikal, di mana Kerajaan Negeri, jelas gagal menanganinya, demi kesejahteraan kehidupan rakyat Kelantan.

111. PR-1242-L43340
Datuk Raime Bin Unggi [Tenom] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jumlah kedai runcit yang dinaik taraf menerusi Program Transformasi Kedai Runcit (TUKAR) yang dilaksanakan Januari 2011 lalu.

112. PR-1242-L43390
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN KESEJAHTERAAN BANDAR** menyatakan sama ada satu kajian terperinci untuk mengkaji masalah kemiskinan di bandar, supaya tindakan yang sesuai dan berkesan dapat dilaksanakan untuk membantu warga kota.

113. PR-1242-L43801
Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan kedudukan penanaman padi ekoran daripada krisis makanan bermula pada tahun 2008.

114. PR-1242-L43815
Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilakah tapak pelupusan sampah di Pekan Nenas akan ditutup secara mutlak tanpa ada lagi aktiviti pelupusan sampah dilakukan di tapak berkenaan.

115. PR-1242-L43470
Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah yang dibelanjakan mengikut Kementerian bagi melaksanakan program-program Kerajaan di DUN Merlimau dan DUN Kerdau bagi tempoh Februari hingga Mac 2011 dan nyatakan apakah jumlah perbelanjaan itu terkandung di dalam Bajet.

116. PR-1242-L44296
Puan Teo Nie Ching [Serdang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan pemansuhan subsidi diesel khas (SKDS) untuk semua industri (melainkan bas ekspress, bomba dan kereta mayat) terhadap ekonomi dan inflasi, terutamanya kesan terhadap bidang pengangkutan.

117. PR-1242-L43612
Tan Sri Dato' Seri Ong Ka Ting [Kulai] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah projek-projek pembangunan dan penyelenggaraan sekolah rendah ketiga-tiga aliran di kawasan Parlimen Kulai bagi tahun 2011 dan 2012.

118. PR-1242-L44127
Tuan Tan Kok Wai [Cheras] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk rancangan pembangunan semula tanah setinggan Jalan Peel / Jalan Nakhoda Yusuf dan tanah bekas kuarters Kerajaan di Jalan Peel dan Jalan Cochrane, jumlah keluarga yang dipindahkan dan tempatnya dan apakah perancangan supaya kawasan tersebut tidak menimbulkan kesesakan yang lazim berlaku di tempat lain.

119. PR-1242-L44833
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN** menyatakan tindakan yang diambil dari kesalahan siber dari sudut penguatkuasaan undang-undang kepada pesalah, berapakah kes yang telah diambil tindakan.

120. PR-1242-L43184
Tuan Masir Anak Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kementerian terhadap syarikat pekerjaan swasta untuk membendung masalah rakyat kita yang terperangkap di luar negara.

121. PR-1242-L44114
Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan perkembangan kerja-kerja pembubaran dan pelupusan sisa bahan yang mengandungi radioaktif *Asian Rare Earth* dan apakah benar ada rancangan meluaskan penstoran untuk pelupusan tambahan.

122. PR-1242-L43653
Datin Linda Tsen Thau Lin [Batu Sapi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kementerian sedar pada masa kini banyak berlaku kegiatan jenayah (misalnya rompakan) di Sabah, apakah langkah-langkah untuk mengurangkan atau mengelak kegiatan ini.

123. PR-1242-L44473
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

(a) apakah tindakan yang telah diambil terhadap Utusan Malaysia yang menyiarkan artikel kontroversi yang bersifat perkauman dan hasutan baru-baru ini; dan

(b) jika ada tindakan yang telah diambil, adakah tindakan tersebut setara dengan tindakan yang pernah diambil terhadap Sarawak Tribune, Suara Keadilan dan China Press.

124. PR-1242-L44427
Dato' Haji Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan cadangan untuk mengharamkan jualan makanan ringan dan minuman bergas di kantin sekolah dalam usaha menangani masalah obesiti di kalangan pelajar sekolah di seluruh negara.

125. PR-1242-L44063
Tuan Azan bin Ismail [Indera Mahkota] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan Skim Rumah Pertamaku berjaya dilaksanakan dan apakah status pelaksanaannya sehingga sekarang serta apakah kesannya kepada pasaran.

126. PR-1242-L44196
Tuan Haji Nasharudin bin Mat Isa [Bachok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan sepanjang tahun 2011 untuk meningkatkan kemahiran dan menambahkan pengetahuan kakitangan sokongan serta peruntukan yang telah digunakan dari tahun 2005-2010.

127. PR-1242-L43159
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah pencapaian Gagasan 1Malaysia-Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan dalam usaha dan objektifnya demi menyatupadukan rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama.

128. PR-1242-L43126
Dato' Lilah bin Yasin [Jempol] minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan istimewa Kerajaan bagi melonjakkan pendapatan masyarakat luar bandar agar menjadi kumpulan rakyat yang berpendapatan tinggi.

129. PR-1242-L44951
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan semenjak penubuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, berapakah ahli politik dan juga bertaraf Menteri atau Timbalan Menteri serta EXCO Kerajaan Negeri telah disiasat sehingga kini.

130. PR-1242-L44873
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan nama projek dan nilai projek pembangunan yang telah diumumkan oleh setiap Kementerian dalam 2 bulan sebelum dan semasa kempen pilihan raya negeri Sarawak pada April 2011. Di antara projek yang telah diumumkan ini, berapakah akan dilaksanakan dalam tahun ini.

131. PR-1242-L44648
Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan secara terperinci apakah gaji yang diterima oleh semua Majistret dan Hakim Mahkamah Sesyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan termasuk Ketua Hakim Negara, Presiden Mahkamah Rayuan dan Hakim Besar Malaya dan sama ada wujud cadangan untuk meningkatkannya.

132. PR-1242-L44827
Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa [Parit Buntar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan strategi bagi mengurangkan hutang isi rumah yang dianggarkan RM557 bilion sekaligus melemahkan kuasa membeli dan melembapkan ekonomi domestik.

133. PR-1242-L44948
Dato' Seri Mohammad Nizar bin Jamaluddin [Bukit Gantang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah serta usaha Kerajaan khususnya melalui JAKIM dalam mengatasi masalah gejala buang bayi yang berpunca dari perbuatan keji iaitu penzinaan.

134. PR-1242-L43985
Tuan Salahuddin Bin Haji Ayub [Kubang Kerian] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan Malaysia bercadang untuk meneliti penambahbaikan sistem penyampaian bagi pelaksanaan undang-undang anti-rasuah dengan rujukan holistik kepada Bribery Act (United Kingdom) dan disesuaikan dengan undang-undang Malaysia. Adakah Peguam Negara membuat rujukan kepada kes-kes anti rasuah terbaru di UK dan komanwel bagi membantu memperkasakan Pelan Integriti Nasional.

135. PR-1242-L44286
Tuan Haji Ab Aziz bin Ab Kadir [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan jenis-jenis dan jumlah subsidi yang ditanggung Kerajaan dalam kategori makanan dalam tempoh 5 tahun lepas.

136. PR-1242-L43663
Puan Hajah Nancy binti Haji Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk membendung penipuan oleh rakyat negara asing terhadap rakyat Malaysia sehingga rakyat kita tertangkap atas kesalahan menyeludup dadah ke negara luar.

137. PR-1242-L43510
Dato' Seri Mohd. Radzi bin Sheikh Ahmad [Kangar] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan pihak manakah yang sebenarnya bertanggungjawab membersihkan sungai-sungai tercemar. Adakah agensi pusat atau negeri. Berikan statistik tahap pencemaran sungai-sungai utama di Malaysia sehingga kini.

138. PR-1242-L45070
Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan penyiasatan oleh FIFA berkenaan rasuah dalam arena bola sepak di Malaysia, apakah langkah yang telah diambil oleh MACC dan/atau polis untuk menyiasat terhadap pendakwaan oleh FIFA dan tindakan pencegahan yang telah diambil oleh Kerajaan untuk melindungi imej Negara.

139. PR-1242-L43521
Dr. Lo' Lo' binti Mohamad Ghazali [Titiwangsa] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejauh manakah isu tuntutan jenazah saudara baru yang meninggal dunia dalam beragama Islam telah diselesaikan pihak Menteri supaya tiada lagi pertikaian dengan keluarga yang bukan beragama Islam dan tidak berlarutan di Mahkamah.

140. PR-1242-L43514
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilakah kerja-kerja pembinaan bangunan baru bagi Sekolah Jenis Tamil Kebangsaan Tamil Batu Kawan, Pulau Pinang akan dimulakan seperti yang diumumkan dalam media bahawa Kerajaan memperuntukkan 1.7 juta bagi tujuan ini ataupun adakah ini satu janji kosong sahaja.

141. PR-1242-L43865
Datuk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa banyak peruntukan untuk memperbaiki jalan cerun, parit, longkang dan permasalahan banjir yang telah diperuntukkan kepada kawasan FELDA khususnya 5 FELDA yang terletak dalam kawasan Parlimen Sekijang.

142. PR-1242-L44432
Tuan Er Teck Hwa [Bakri] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan bilakah skim bantuan dan subsidi untuk petani nanas di Bukit Naning dimulakan dan senaraikan mengikut tahun jumlah petani yang telah menikmati skim ini serta berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan. Berapakah jumlah pengeluaran nanas sepanjang skim ini dilaksanakan.

143. PR-1242-L44135
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan dengan adanya bantahan daripada masyarakat awam berhubung perjanjian untuk memukimkan kembali pelarian di Australia, dapatkah Kerajaan membatalkan perjanjian tersebut. Jika tidak, mengapa tidak.

144. PR-1242-L43724
Datuk Hajah Norah binti Abd Rahman [Tanjong Manis] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan :-

(a) bilakah Kerajaan akan memulakan Projek Tebatan Banjir Bandaraya Kuching Fasa 1-Stage 2 dan 3 untuk menangani banjir di Bandaraya Kuching yang telah sekian lama tergendala sedangkan kerja-kerja *survey*, penyelidikan dan reka bentuk telah pun siap; dan

(b) berapakah jumlah peruntukan bagi Projek Fasa 1-Stage 2 dan 3 tersebut.

145. PR-1242-L43517
Dr. Ramasamy a/l Palanisamy [Batu Kawan] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan-rancangan untuk menaik taraf sistem jalanraya di Zon Perindustrian Bebas Perai, Pulau Pinang yang kian menerima minat mendalam daripada para pelabur di mana sistem jalanraya ini berada dalam keadaan yang sangat teruk akibat kekurangan penyelenggaraan serta bencana seperti banjir.

146. PR-1242-L44668
Dato' Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan :-

(a) adakah Kementerian bercadang menambah jumlah bantuan kepada golongan penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM); dan

(b) statistik jumlah bantuan kebajikan yang diberikan mengikut jenis dan negeri dan apakah keberkesanan Program AZAM.

147. PR-1242-L43221
Dato' Seri Tengku Azlan Ibni Almarhum Sultan Abu Bakar [Jerantut] minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam masa terdekat ini untuk mempertingkatkan lagi lawatan pelancongan ke negara ini.

148. PR-1242-L44452
Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan tentang pendaftaran dan lesen penternak burung layang-layang di seluruh negara:-

(a) jumlah penternak burung layang-layang yang telah didaftar dan berlesen di setiap negeri; dan

(b) berapa penternak yang belum berdaftar dan apakah tindakan selanjutnya dan nyatakan garis panduan untuk pembinaan rumah burung layang-layang ini.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Sumber Manusia**

   * Rang Undang-undang Majlis Perundingan Gaji Negara 2011.

2. **Menteri Sumber Manusia**

   * Rang Undang-undang Kerja (Pindaan) 2011.

3. **Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan**

   * Rang Undang-undang Perihal Dagangan 2011.

---

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan di bawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1.	(D.R. 11/2011)	Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2011) 2011– **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (20 Jun, 2011)** **[Kementerian Kewangan]**	
2.	(D.R. 3/2011)	Rang Undang-undang Institut Sukan Negara 2011 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (16 Jun, 2011)** **[Kementerian Belia dan Sukan]**	
3.	(D.R. 5/2011)	Rang Undang-undang Saraan Hakim (Pindaan) 2011 **[Perdana Menteri]**	**Bacaan Kali Yang Kedua**
4.	(D.R. 46/2010)	Rang Undang-undang Hak Cipta (Pindaan) 2010 **[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]**	"
5.	(D.R. 45/2010)	Rang Undang-undang Perbadanan Pembangunan Kampong Bharu 2010 **[Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar]**	"
6.	(D.R. 8/2011)	Rang Undang-undang Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) (Pindaan) 2011 **[Kementerian Luar Negeri]**	"
7.	(D.R. 30/2010)	Rang Undang-undang Penilai, Pentaksir Dan Ejen Harta Tanah (Pindaan) 2010 **[Kementerian Kewangan]**	"
8.	(D.R. 10/2011)	Rang Undang-undang Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (Pindaan) 2011 **[Kementerian Kerja Raya]**	"

9. (D.R. 9/2011) Rang Undang-undang Peranti Perubatan 2011 "

[Kementerian Kesihatan]

10. (D.R. 12/2011) Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Peranti Perubatan 2011 "

[Kementerian Kesihatan]

11. (D.R. 13/2011) Rang Undang-undang Perkongsian Liabiliti Terhad 2011 "

[Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan]

12. (D.R. 1/2011) Rang Undang-undang Veteran 2011 "

[Kementerian Pertahanan]

13. (D.R. 14/2011) Rang Undang-undang Petroleum (Pindaan) 2011 "

[Kementerian Kewangan]

14. (D.R. 37/2009) Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2009 "

[Kementerian Kewangan]

15. PR-1242-U43283
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa ketika keadaan negara berada dalam keadaan aman dan tenteram, tugasan Angkatan Tentera Malaysia (Darat, Udara dan Laut) tidaklah begitu berat. Dan mengambil maklum bahawa terdapat mereka yang berkhidmat dalam angkatan tentera begitu berkelayakkan tinggi, misalnya doktor perubatan, doktor gigi, jurutera mekanikal dan elektrikal, jurutera awam, pentadbiran awam dan sebagainya. Dan mengambil maklum bahawa, kepakaran anggota yang disebutkan di atas sesungguhnya dapat membantu dalam pentadbiran negara dan dimanfaatkan untuk ketenteraman dan kemajuan negara. Dan mengambil maklum juga bahawa terdapat cadangan bahawa pihak tentera membantu pihak polis dalam rondaan di tempat strategik bagi memastikan keamanan negara. Selain itu, pihak tentera juga boleh membantu anggota trafik untuk mengawal lalu lintas disamping membuat kerja-kerja kemasyarakatan.

Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, agar satu rangka kerja dapat diwujudkan agar pihak tentera dapat memainkan peranan dalam pembangunan negara melalui program-program yang dimaksudkan di atas."

(Menteri Pertahanan)

16. PR-1242-U43291
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat pegawai terutama sekali pegawai bawahan angkatan tentera, polis dan pasukan berunifom yang lain, setelah bersara wajib, mereka hidup di paras kemiskinan. Dan mengambil maklum bahawa keadaan ini berlaku kerana, latihan dan amalan tugasan mereka semasa bertugas tidak dapat menawarkan mereka sebarang peluang kerja baru ataupun minat mereka selepas bersara telahpun berubah. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, sesetengah mereka tidak mempunyai sebarang rumah untuk berteduh. Dan mengambil maklum bahawa, setelah bersara, mereka tidak lagi dapat menampung persekolahan anak-anak dan diburukkan lagi dengan tidak mendapat sebarang bantuan biasiswa, oleh itu tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat yang lebih tinggi. Dan mengambil maklum bahawa, satu program khas hendaklah dirangka bagi mereka ini, untuk melatih mereka dalam bidang yang ingin mereka ceburi selepas bersara, termasuklah untuk menyediakan tanah bagi mereka usahakan, sementara anak-anak mereka hendaklah diberikan biasiswa melalui koperasi yang berkaitan. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, pihak Kerajaan menyediakan program khas bagi mereka ini untuk mempersiapkan mereka sebelum persaraan mereka."

(Menteri Dalam Negeri)

17. PR-1242-U43292
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan memaktubkan bahawa kaum Melayu dan kaum bumiputera Sabah dan Sarawak diberikan kedudukan khas dan istimewa dalam Persekutuan Malaysia. Dan mengambil maklum bahawa dengan kedudukan khas dan istimewa ini, mereka yang dimaksudkan di atas diberikan keutamaan bagi pemberian biasiswa, pekerjaan dan lain-lain lagi. Dan mengambil maklum bahawa, walaupun orang asli yang terdiri daripada tiga kumpulan utama iaitu Semang (Negrito), Senoi dan Proto-Malay, telah menduduki negara ini sejak zaman nenek moyang mereka lagi, mereka telah tidak di iktiraf oleh Perkara 153, Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Dan mengambil maklum juga bahawa oleh kerana kedudukan mereka tidak termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Malaysia, mereka tidak mendapat sebarang keistimewaan sebagaimana yang diperuntukan kepada golongan yang dimaksudkan dalam Perkara 153 tersebut. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, oleh kerana orang asli juga adalah penduduk asal negara ini, maka Kerajaan hendaklah meminda Perkara 153 Perlembagaan Malaysia dengan memasukkan orang asli sebagai orang-orang yang dilindungi oleh perkara sama, sama kedudukan dengan Orang Melayu dan bumiputera Sabah dan Sarawak."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

18. PR-1242-U43302
Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak tanah-tanah rezab Kerajaan, tanah rezab sungai, tanah pesisir pantai, tanah-tanah rezab lainnya dan tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan. Keadaan ini tidak mendatangkan sebarang pulangan kepada ekonomi negara mahupun pemilik individu yang dimaksudkan. Dan mengambil maklum bahawa sekiranya tanah-tanah yang dimaksudkan, sekiranya diusahakan akan mendatangkan hasil yang lumayan kepada ekonomi negara terutama sekali dalam industri makanan. Dan mengambil maklum bahawa, rezab-rezab sungai juga boleh dibangunkan untuk aktiviti akuakultur dimana akan menyumbang juga kepada ekonomi negara. Dan mengambil maklum bahawa dengan adanya aktiviti ekonomi yang dimaksudkan, kawasan yang dimaksudkan juga akan dapat diperindahkan. Dan mengambil maklum bahawa, kesemua aktiviti yang dimaksudkan diatas, terutama sekali yang melibatkan tanah rezab Kerajaan dan tanah rezab sungai dapat dibangunkan dengan memberikan lesen pendudukan sementara daripada para pengusaha yang berminat untuk mengusahakan tempat tersebut mengikut kesesuaian setempat. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan, Kerajaan hendaklah, melalui Kerajaan negeri masing-masing meningkatkan lagi kepenggunaan tanah yang dimaksudkan di atas bagi memantapkan lagi ekonomi negara."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

19. PR-1242-U43959
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Menteri Kesihatan memberitahu Dewan ini mengenai isi kandungan transformasi kesihatan termasuk 1 Care dan 1 Clinic. Bahawa Dewan ini memperbahaskan bagaimana 1Care ini boleh mewujudkan penjagaan kesihatan yang mampu dibayar oleh rakyat."

(Menteri Kesihatan)

20. PR-1242-U43960
Dr. Tan Seng Giaw [Kepong] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan kaedah baru kenaikan pangkat sebagai lanjutan transformasi kecemerlangan pendidikan negara. Dewan ini juga hendak mendebatkan skop perjawatan diperluaskan bagi membolehkan lebih ramai dari hampir 400,000 guru mendapat kenaikan pangkat."

(Menteri Pelajaran)

21. PR-1242-U44889
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen yang telah dimansuhkan pada tahun 1993 sebagai langkah untuk menjadikan Parlimen Malaysia sebagai Parlimen Dunia Pertama"."

(Perdana Menteri)

22. PR-1242-U44890
Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan Suruhanjaya DiRaja Pembaikan Perjalaan dan Pengurusan PDRM dan YAB Perdana Menteri untuk menubuhkan Suruhanjaya Bebas dan Salah Laku Polis (IPCMC). "

(Menteri Dalam Negeri)

23. PR-1242-U43366
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang dan membuat ketetapan mengenai pengeluaran serta pemberian kontrak-kontrak kepada kontraktor bagi pembinaan-pembinaan infrastruktur dan bangunan bukan sahaja dengan kelas khas contohnya Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) kelas A tetapi haruslah memastikan agar kontraktor-kontraktor mematuhi segala syarat dan keperluan kejuruteraan seperti mana yang ditetapkan oleh pihak Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Pemantauan rapi haruslah dilaksanakan dengan telus dan tegas supaya betul-betul dapat mengelakkan daripada kecuaian semasa kerja-kerja pembinaan dijalankan. Ini tentu sekali dapat memastikan tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku seperti bangunan runtuh dan kecacatan infrastruktur sebelum dan selepas tempoh jaminan."

(Menteri Kewangan)

24. PR-1242-U43375
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang serta memutuskan agar rakyat Malaysia terutamanya di media massa untuk menghentikan perbalahan mencaci dan meragui kepercayaan agama dan kebebasan beragama masing-masing seperti mana yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia serta menghormati Rukun Negara. Media-media massa yang tidak bertanggungjawab dan tidak menghormati ini dan mengeluarkan berita tanpa siasatan dan mengakibatkan keraguan serta berkemungkinan boleh mencetuskan kebimbangan serta percacihan di antara rakyat yang menghormati kaum yang berbilang di negara ini."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

25. PR-1242-U43381
Datuk Eric Enchin Majimbun [Sepanggar] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membincang untuk menyiasat dengan seriusnya mengenai keadaan pertumbuhan penduduk di Sabah yang mendadak sekali sehingga melebihi kadar peratus pertumbuhan yang biasa mengikut perbandingan bancian penduduk sejak tahun 1970 hingga bancian terkini 2010. Pengawalan serta penyiasatan pertumbuhan penduduk ini tentunya mempunyai dasar dan pengurusan agar rakyat Malaysia di Sabah dapat menjalankan taraf kehidupan yang baik, jauh dari kemiskinan, malapetaka serta keraguan di antara mereka."

(Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah)

26. PR-1242-U44783
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah dipulihkan semula bagi melengkapi sistem demokrasi di Malaysia dan mengembalikan hak rakyat untuk memilih perwakilan sendiri dalam Kerajaan Tempatan."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

27. PR-1242-U44788
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan supaya Kerajaan menyalurkan peruntukan tahunan kepada Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat yang mewakili kawasan-kawasan yang dimenangi sebagaimana yang diberikan kepada wakil-wakil rakyat BN, supaya peruntukan dapat disalurkan untuk manfaat pengundi dan kawasan yang diwakili, sepertimana yang diamalkan di Negara Taiwan.

Langkah menyekat peruntukan tahunan wakil rakyat PR sebenarnya adalah satu diskriminasi politik ke atas para pengundi dan rakyat keseluruhannya dan sekatan amalan demokrasi itu sendiri dan tidak wajar peruntukan itu disalurkan kepada parti-parti komponen BN untuk kegunaan mereka."

(Menteri Kewangan)

28. PR-1242-U44154
Tuan Kulasegaran A/L Murugeson [Ipoh Barat] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa, ramai yang mempertikaikan Malaysia berkaitan tahap kebebasan media yang diamalkan sejak kebelakangan ini. Ada juga pihak yang menyatakan bahawa kebebasan media Malaysia sudah tidak bernyawa lagi akibat kekebalan undang-undang. Sebagai sebuah negara mengamalkan sistem Demokrasi berparlimen ianya cukup penting untuk memberikan peranan yang tinggi kepada kebebasan media kerana ianya bersangkut paut dengan demokrasi negara. Apakah daya yang mampu diperkenalkan oleh industri media dalam menyalurkan berita tepat dan benar kepada seluruh rakyat jikalau pelbagai Akta berkaitan media yang sanggup menggari kebebasan media dinegara ini. Maka dengan itu segala AKTA dan UNDANG-UNDANG yang mengongkong kebebasan media harus dimansuhkan dengan kadar segera dalam melahirkan usaha baru bagi mencerminkan kemuliaan kebebasan media di Malaysia".

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

29. PR-1242-U44981
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan memohon Kementerian Pelajaran ini mengkaji semula syllabus yang sedia ada bagi meningkatkan lagi mutu pendidikan peringkat sekolah rendah dan menengah bagi penyediaan melahirkan lagi insan yang benar-benar berpendidikan, berpengetahuan dan berketerampilan dengan menitikberatkan elemen kokurikulum dalam penilaian pencapaian."

(Menteri Pelajaran)

30. PR-1242-U44983
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kerajaan menyediakan garis panduan di peringkat kebangsaan bagi menyelaraskan fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti-mufti di peringkat negeri."

(Perdana Menteri)

31. PR-1242-U44985
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengkaji semula dasar Pasar Larut Malam dan lain aktiviti dalam usaha mengekalkan keperluan tubuh manusia yang memerlukan waktu malam untuk beristirehat dan siang bekerja. "

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

32. PR-1242-U45062
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan mengkaji untuk memperbanyakkan lagi AP untuk bahan gula dan beras agar harga dapat diturunkan. Dengan adanya oligopoly akan dapat menurunkan harga dan manafaatnya akan dinikmati oleh masyarakat."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

33. PR-1242-U45063
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan mengadakan satu mekanisma untuk menghalang warga bukan negara menikmati subsidi ke atas barangan seperti beras, gula, minyak masak dan bahan api."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

34. PR-1242-U45064
Tuan Mohsin Fadzli bin Haji Samsuri [Bagan Serai] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini memohon Kementerian Pengangkutan pihak pengendali Touch & Go mengadakan lorong tambah nilai di laluan Plaza Tol bagi kemudahan pengguna tanpa ke pejabat atau agen Stesyen minyak. Melalui agen dikenakan caj 50 sen bagi setiap top-up manakala di pejabat pula menyusahkan pengguna."

(Menteri Kerja Raya)

35. PR-1242-U43833
Tuan Chua Tian Chang [Batu] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mendesak Perdana Menteri supaya tampil ke Mahkamah Perancis untuk membersihkan nama Negara Malaysia dan menjelaskan urus niaga yang berkaitan dengan Syarikat Armanis dan transaksi kewangan yang bernilai RM 30 juta dan RM 2.5 juta kepada syarikat Gifen yang berpangkalan di Malta. Dokumen-dokumen telah diperolehi oleh Pihak Berkuasa Perancis setelah menyerbu Syarikat DNCS dibawah Akta Kebebasan Maklumat. Menurut peruntukan Konvensyen Korupsi Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu 2002 yang membenar untuk memanggil individu yang terlibat termasuk pemimpin tertinggi sesebuah negara. Jika gagal dijalankan, Waren Geledah Antarabangsa akan digunakan untuk memaksa individu itu membari keterangan."

(Perdana Menteri)

36. PR-1242-U43387
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membincangkan agar Kerajaan mengkaji semula kenaikan gaji yang diumumkan baru-baru ini dimana Guru Besar Sekolah Rendah yang mempunyai pelajar yang sedikit di kekalkan gaji mereka pada DGA 32 manakala Penolong Guru Besar Sekolah Rendah Cluster dinaikkan gaji mereka dari DGA 32 kepada DGA 34."

(Perdana Menteri)

37. PR-1242-U43398
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil keputusan untuk menyediakan saluran Khas di televisyen yang dapat menyiarkan secara langsung persidangan penuh di Dewan Rakyat supaya orang awam lebih maklum tentang perbincangan yang dibuat oleh Ahli Parlimen mereka".

(Perdana Menteri)

38. PR-1242-U43402
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mendesak agar Kerajaan dapat mewajibkan pilihanraya Kerajaan tempatan supaya perkhidmatan akan menjadi lebih baik dan kerja-kerja yang diberikan kepada sub kontraktor perlu diawasi oleh kerajaan tempatan bagi mengelakkan penyelewengan".

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

39. PR-1242-U43408
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja untuk menangani salah laku Pegawai Polis dimana terdapat terlalu ramai yang ditahan reman mati di dalam lokap".

(Menteri Dalam Negeri)

40. PR-1242-U43419
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat mengambil keputusan untuk ISA dan semua tahanan yang ditahan di ISA dibicarakan di Mahkamah terbuka atau dibebaskan jikalau tidak ada bukti yang mencukupi untuk mendakwa mereka".

(Menteri Dalam Negeri)

41. PR-1242-U43421
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mencadangkan bahawa semua jawatan kosong dalam sektor awam dapat diiklankan di dalam semua surat khabar utama supaya orang awam dari semua golongan rakyat dapat memohon jawatan tersebut".

(Perdana Menteri)

42. PR-1242-U43424
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan mengawal penjualan asid secara terbuka dan menjadikan asid sebagai barangan kawalan atau penjual-penjual haruslah menulis nama dan nombor kad pengenalan mereka yang membeli asid bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kejadian pembuangan asid terhadap wanita-wanita yang banyak berlaku sekarang di negara ini."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

43. PR-1242-U43425
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan Persekutuan membina lebih banyak Muzium Memorial yang melambangkan sejarah Malaysia contohnya Yap Ah Loy, Bapa Pembangunan Awal Kuala Lumpur bagi mengenang jasa mereka."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

44. PR-1242-U43427
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini dapat membincangkan agar Kerajaan mengambil keputusan untuk memansuhkan undi Pos".

(Perdana Menteri)

45. PR-1242-U43429
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini meminta Kerajaan supaya harga petrol dan gula tidak dinaikkan lagi kerana kenaikan harga petrol dan gula secara mendadak kebelakangan ini amat membebankan rakyat kerana harga barangan lain juga akan turut naik.Kerajaan harus memastikan bil-bil utiliti tidak dinaikkan."

(Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan)

46. PR-1242-U43431
Tuan John A/L Fernandez [Seremban] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengarahkan Kerajaan untuk membina lebih banyak sekolah Cina dan Tamil di kawasan-kawasan yang terdapat ramai pelajar Cina dan Tamil memandangkan peningkatan pelajar-pelajar yang belajar di Sekolah Cina dan Tamil."

(Menteri Pelajaran)

47. PR-1242-U43756
Tuan Liew Chin Tong [Bukit Bendera] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menyokong cadangan menetapkan sebarang pembelian aset atau sistem pertahanan yang melebihi 100 juta oleh MINDEF, mesti dibawa ke Parlimen dibahas dan diaudit oleh Jabatan Audit Negara supaya untuk syarat meneruskan pembelian ini. Ini juga bertujuan untuk mempertingkatkan integriti dan keberkesanan pembelian sistem pertahanan. Ini adalah diakibatkan oleh pembelian Jet Sukhoi dan Kapal Selam Scorpene telah menimbulkan banyak persepsi negatif terhadap negara."

(Menteri Pertahanan)

48. PR-1242-U43407
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Dalam Negeri mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan penguatkuasa undang-undang yang lebih tegas tapi adil

dalam menangani insiden-insiden yang mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam. Dewan sedar akan pertimbangan implikasi politik namun keselamatan rakyat dan negara adalah tanggungjawab Kerajaan yang dipilih rakyat" .

(Menteri Dalam Negeri)

49. PR-1242-U43410
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri menggantung pendaftaran mana-mana parti politik dan pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) yang memperalatkan agama untuk memporak-perandakan ketenteraman hidup rakyat Malaysia pelbagai kaum yang hidup aman damai. Dewan akur bahawa langkah sedemikian perlu bagi mengekalkan perpaduan yang terjalin dikalangan rakyat sejak sebelum Merdeka ".

(Menteri Dalam Negeri)

50. PR-1242-U43412
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan agar lagu tema 1Malaysia yang diterbitkan Lim Kok Wing Sound and Music Design Academy dijadikan sebagai lagu wajib di setiap sekolah dan pusat pengajian di dalam negara. Dewan sedar tindakan ini mampu memperkukuhkan perpaduan dan mencungkil rasa cinta kepada tanah air."

(Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan)

51. PR-1242-U43414
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mencadangkan agar pihak Menteri Belia dan Sukan mengambil langkah-langkah yang sewajarnya bagi memerangi gejala rasuah dalam bidang sukan. Dewan mendesak agar pihak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dijadikan 'rakan aktif' dalam menangani gejala ini, terutamanya dalam sukan bola sepak negara".

(Menteri Belia dan Sukan)

52. PR-1242-U43471
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini mendesak Menteri Dalam Negeri membentangkan satu laporan penuh berhubung pelaksanaan kaedah "Saman Ekor". Dewan membuat ketetapan laporan tersebut perlu untuk memperjelaskan kedudukan sebenar kaedah "Saman Ekor" yang telah banyak mengundang debat umum."

(Menteri Dalam Negeri)

53. PR-1242-U43476
Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan yang mulia ini membuat ketetapan mendesak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan mengambil langkah-langkah perlu untuk memastikan dasar Persekutuan dipatuhi di peringkat negeri, terutamanya di negeri yang ditadbir pembangkang. Dewan mengambil maklum bahawa walaupun Kerajaan negeri mempunyai hak seperti yang termaktub didalam Perlembagaan, namun penyalahgunaan hak tersebut demi kelangsungan politik boleh memudaratkan kesejahteraan rakyat."

(Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan)

54. PR-1242-U44950
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-
"Bahawa Dewan ini mengambil maklum bahawa Kerajaan Malaysia sebagai anggota Majlis Hak Asasi Manusia Bangsa-Bangsa Bersatu dalam menguatkuasa Resolusi 62/149 Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Moratorium terhadap Hukuman Mati yang telah dikuatkuasakan oleh Perhimpunan Agung Bangsa Bangsa-Bersatu pada 18 December 2007 di mana negara-negara yang masih mengamalkan hukuman mati diminta untuk menghentikan penggunaan hukuman mati dan mengurangkan jumlah hukuman-hukuman yang membawa hukuman mati secara berperingkat dan melaksanakan moratorium terhadap kesemua hukuman-hukuman mati dengan hasrat untuk menghapuskan hukuman ini sama sekali. Maka dengan ini Dewan hendaklah mengambil ketetapan untuk meminta Kerajaan melalui Kementerian Luar Negeri untuk membantu mematuhi Moratorium tersebut dan meminda undang-undang yang bercanggah dengan Moratorium tersebut."

(Menteri Luar Negeri)

55. PR-1242-U44952
Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini menubuhkan sebuah Suruhanjaya DiRaja Siasatan Kes Kematian Tujuh Warga Pekerja Asing pada hujung Mei 2009 akibat kerja perobohan Jaya Supermarket, Petaling Jaya. Daripada siasatan yang dijalankan, kerja perobohan tersebut tidak mendapat kelulusan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH)."

(Menteri Sumber Manusia)

56. PR-1242-U44876
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil langkah segera bagi meringankan beban rakyat dengan menghapus dan memansuhkan semua jenis tol di lebuh raya Malaysia."

(Perdana Menteri)

57. PR-1242-U44878
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan mengambil tindakan membatalkan semua jenis saman ekor tertunggak yang berjumlah 15 juta saman setelah perlaksanaan format dan Akta Pengangkutan Jalan Pindaan 2010 dikuatkuasakan."

(Menteri Dalam Negeri)

58. PR-1242-U44880
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menutup syarikat Felda Plantation dan mengagihkan tanah milik Felda Plantation kepada generasi kedua dan ketiga peneroka Felda."

(Perdana Menteri)

59. PR-1242-U44881
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan memberikan pengiktirafan peranan dan jasa kakitangan awam dengan mengkaji semula struktur gaji bermula dengan menaikkan Imbuhan Perguruan sebanyak RM500 sebulan setiap seorang guru sebagai penghargaan kepada guru."

(Perdana Menteri)

60. PR-1242-U44883
Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan menaikkan royalti minyak kepada negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan Kelantan kepada 2 peratus."

(Menteri Kewangan)

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri yang Bertanggungjawab
1. 21.6.2011 (Selasa)	1. YB Tuan Chua Tian Chang (Batu)	1. Adik Menteri menguasai Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.	1. YB Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.
2. 21.6.2011 (Selasa)	2. YB Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)	2. Hampir 30,000 pekerja asing tanpa izin disebat dari 2005 sehingga 2010.	2. YB Menteri Dalam Negeri